



SEMINAR ANGGOTA KOPERASI TNB



Gambar peserta :
**SEMINAR PENGURUSAN
KEWANGAN BERHEMAM**

20 Oktober 2018, Pulau Pinang – Bertempat di Hotel Jen Penang, Pulau Pinang, telah berlangsung Seminar Anggota bertemakan "Pengurusan Kewangan Berhemah". Seminar ini diadakan khusus untuk anggota dari Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Naib Pengerusi Koperasi TNB, Tuan Haji Abdul Shukor bin Hassan yang mewakili YM Raja Hang Tuah bin Raja Iskandar telah merasmikan seminar ini yang mana mendapat maklumbalas positif daripada 56 anggota, Anggota Lembaga dan pekerja Koperasi TNB.



Sesi pertama seminar ini ialah taklimat produk Koperasi TNB yang telah disampaikan oleh Encik Zulkefle bin Ab Rahim, Pengurus Kanan Koperasi TNB dan Tuan Haji Mohd Marzuki bin Yasoa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Koperasi TNB. Manakala Penceramah Kewangan terkemuka Encik Abu Ayuabul Ansari, CEO Now Asia yang lebih dikenali dengan nama Abang Abu telah dijemput bagi mengupas tajuk utama Seminar Pengurusan Kewangan Berhemah dari 20 hingga 21 Oktober 2018. Antara tajuk yang dikupas oleh Abang Abu ialah Kompas Wang, Super Highway Wang, Retire Rich dan Money For Kids.